

# TAZKIRAH

## Alasan Rindukan Ramadhan

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa, sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa " [ Al-Baqarah:183 ]

### HURAIAN

#### 1. Gelaran taqwa

"Hai orang-orang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa." QS al-Baqarah: 183

#### 2. Bulan pengampunan

Riwayat Bukhari Muslim dan Abu Dawud, "Barangsiapa berpuasa pada bulan Ramadhan kerana keimanannya dan kerana mengharap redha Allah, maka dosa-dosa sebelumnya diampuni."

#### 3. Pahalanya dilipatgandakan

"Setiap amal anak keturunan Adam dilipatgandakan. Tiap satu kebaikan sepuluh lipat gandanya hingga tujuh ratus lipat gandanya." HR. Bukhari Muslim.

#### 4. Pintu syurga dibuka dan neraka ditutup

"Apabila tiba bulan Ramadhan terbuka pintu syurga, tertutup pintu neraka, dan syaitan-syaitan terbelenggu." HR Muslim

#### 5. Ibadah istimewa

"Setiap amalan anak Adam itu untuk dirinya, kecuali puasa. Itu milik-Ku dan Aku yang membalasnya kerana ia (orang yang berpuasa) meninggalkan syahwat dan makanannya kerana Aku." HR Bukhari Muslim. ( Hadith Qudsi )

#### 6. Dicintai Allah

"Kalau Aku telah mencintai seseorang, Aku menjadi pendengaran untuk telinganya, menjadi penglihatan untuk matanya, menjadi pegangan untuk tangannya, menjadi langkah untuk kakinya." HR Bukhari ( Hadith Qudsi )

#### 7. Do'a dikabulkan

"Tiga doa yang tidak ditolak; orang berpuasa hingga berbuka puasa, pemimpin yang adil dan doanya orang teraniaya. Allah mengangkat doanya ke awan dan

membukakan pintu-pintu langit. 'Demi kebesaranku, engkau pasti Aku tolong meski tidak sekarang." HR Ahmad dan Tirmidzi

#### 8. Turunnya Lailatul Qadar

"Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan / kedamaian sampai terbit fajar. QS al-Qadr: 4-5

#### 9. Meningkatkan kesihatan

"Puasalah kamu, nescaya kamu sihat" ( Hadith )

#### 10. Penuh harapan

"Setiap orang berpuasa selalu mendapat dua kegembiraan, iaitu tatkala berbuka puasa dan saat bertemu dengan Tuhannya." HR. Bukhari

#### 11. Masuk syurga melalui pintu khusus, Rayyaan

"Sesungguhnya di syurga itu ada sebuah pintu yang disebut rayyan yang akan dilalui oleh orang-orang yang berpuasa pada hari kiamat nanti, tidak diperbolehkan seseorang melaluinya selain mereka. Ketika mereka dipanggil, mereka akan segera bangkit dan masuk semuanya kemudian ditutup." HR. Bukhari

#### 12. Minum air telaganya Rasulullah saw

Barangsiapa memberi minum orang yang berpuasa maka Allah akan memberinya minum seteguk dari telaga dimana ia tidak akan haus hingga masuk syurga." HR. Ibnu Khuzaimah dan Baihaqi

#### 13. Berkumpul dengan sanak keluarga

"Siapa yang ingin rezekinya dibanyakkan dan umurnya dipanjangkan, hendaklah ia menghubungkan tali silaturahmi!" HR. Bukhari